



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

mySalam dan Financial Education Network (FEN) Cipta Rekod Baharu Malaysia dengan Sesi Literasi Kewangan Tanpa Henti Selama 24 Jam di TikTok LIVE

Misi #24JamBijakWang cetus fenomena celik kewangan digital negara.

6 Julai 2025, Sabah – mySalam, skim perlindungan takaful nasional untuk komuniti B40 yang diuruskan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad (GETB), bersama Financial Education Network (FEN) telah melakar sejarah menerusi inisiatif digital inovatif; Sesi Literasi Kewangan Tanpa Henti Selama 24 Jam di TikTok LIVE, yang dianjurkan bersempena Karnival Celik Kewangan (KCK) Tawau dari 5 hingga 6 Julai 2025 di Eastern Plaza, Tawau, Sabah. Usaha digital luar biasa ini telah diiktiraf secara rasmi oleh *Malaysia Book of Records* sebagai '**Strim Langsung Literasi Kewangan Tanpa Henti Terpanjang di Malaysia**', sekali gus menetapkan penanda aras baharu dalam pendidikan kewangan yang inklusif dan berteraskan digital di Malaysia.

Dikenali dengan Misi #24JamBijakWang, sesi TikTok LIVE ini diterajui oleh mySalam dan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), bersama TikTok Malaysia sebagai Rakan Digital Rasmi dengan sokongan Persatuan Takaful Malaysia (MTA). Tempoh 24 jam dipilih secara strategik untuk capaian maksimum kepada pelbagai segmen komuniti, daripada golongan muda hingga warga emas, dan para pekerja waktu pagi hingga mereka yang bekerja pada waktu malam. Inisiatif ini menunjukkan bahawa literasi kewangan bukan lagi pilihan, tetapi ia telah menjadi satu keperluan.

Menurut En. Syuhaib Ithnin, Ketua mySalam di Great Eastern Takaful, Misi #24JamBijakWang bukanlah hanya untuk mencipta rekod semata-mata. "Ramai berpendapat bahawa topik kewangan adalah membosankan, namun setelah bersiaran secara berterusan di TikTok LIVE, kami berjaya meraih **lebih 3.2 juta likes, 12 ribu komen serta lebih 17 ribu pengunjung hanya dalam tempoh 24 jam.**"

Dengan mengutamakan pendekatan digital, kami boleh mengubah persepsi tradisional, menjadikan pendidikan kewangan lebih inklusif dan menarik. Melalui kaedah penyampaian yang santai dan mudah difahami, kandungan interaktif serta insentif yang menarik, kami membuktikan bahawa celik kewangan bukanlah satu kemewahan yang hanya dinikmati oleh golongan elit, tetapi merupakan keperluan untuk semua. Inisiatif ini bukan sekadar satu kempen, ia adalah satu gerakan. Ia memperkasa individu untuk membuat keputusan kewangan yang bijak, membina daya tahan terhadap cabaran ekonomi, dan meletakkan asas kepada kesejahteraan kewangan jangka panjang. Kami berbesar hati untuk menjadi peneraju dalam transformasi ini dan kekal komited untuk menetapkan penanda aras yang boleh dicontohi oleh pihak lain," tambahnya.

Memetik ucap tama Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid di Majlis Pelancaran Karnival Celik Kewangan Tawau 2025 yang telah berlangsung semalam,

"Karnival ini bukan sekadar perhimpunan atau pameran. Ia adalah platform strategik yang membawa pelbagai pihak – agensi kerajaan, institusi kewangan, ahli akademik, pertubuhan masyarakat dan komuniti setempat untuk berganding bahu memperkasa masyarakat dengan ilmu kewangan yang relevan dan praktikal. Dengan sokongan komuniti yang kukuh serta momentum daripada karnival ini, *Financial Education Network* kekal komited untuk memperluaskan jangkauan dan impaknya di seluruh Malaysia. Ia juga membuka ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat yang sahih, mengenali saluran bantuan yang tersedia dan bertanya secara terus kepada pakar tanpa rasa segan atau takut."

Sepanjang tempoh 24 jam strim langsung, lebih 24 penceramah jemputan telah memanfaatkan pelbagai ciri digital interaktif TikTok LIVE untuk menyampaikan ilmu kewangan secara terus kepada penonton secara realiti dan menarik dalam menjawab soalan yang diberikan melalui ruang komen. Antara topik yang diketengahkan termasuk penipuan kewangan, perlindungan takaful, pelaburan asas, perancangan cukai, pengurusan hutang, serta strategi bajet isi rumah yang mana semuanya telah diatur rapi agar ia praktikal, berkait rapat dan mudah difahami. Bagi mengekalkan momentum serta menggalakkan penyertaan penonton, inisiatif ini turut membawakan *FinTok Challenge*; satu pertandingan interaktif dan menyeronokkan yang berlangsung pada setiap jam di TikTok. Cabaran ini memberi ganjaran kepada seramai 24 pemenang dengan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM24,000.

"Di TikTok, kami komited untuk membina platform yang selamat di mana kreativiti dan ekspresi bebas dapat berkembang, sambil mencetuskan perbualan bermakna, pembelajaran secara meluas, dan memperkasakan komuniti," kata Firdaus Fadzil, Ketua Dasar Awam Malaysia di TikTok. "Kerjasama kami dengan mySalam membuktikan bagaimana sesebuah organisasi boleh memanfaatkan capaian dan kepantasan platform kami untuk meningkatkan kesedaran tentang topik penting dalam kalangan rakyat Malaysia dan memberikan impak positif yang berkekalan kepada masyarakat."

Kejayaan inisiatif ini membuktikan bahawa pendidikan kewangan boleh berkembang selari dengan gaya hidup digital masa kini. Ia juga mencerminkan komitmen berterusan pihak penganjur untuk terus meneroka pendekatan inovatif dan mesra dalam menyampaikan pendidikan kewangan kepada semua, dari mereka yang tinggal di kawasan bandar hingga ke komuniti di kawasan terpencil.

Untuk maklumat lanjut, ikuti akaun TikTok rasmi di @mysalam.official.

-TAMAT-

MENGENAI mySalam

mySalam ialah skim perlindungan takaful PERCUMA yang disediakan oleh kerajaan kepada komuniti B40 di Malaysia. Skim ini adalah di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia dengan pembiayaan Tabung Amanah mySalam dan pengurusannya dikendalikan sepenuhnya oleh Great Eastern Takaful Berhad.

Skim Perlindungan Takaful mySalam telah diperkenalkan dengan pengoperasian selama lima tahun, bermula pada tahun 2019 sehingga 2023. Susulan maklum balas positif yang diterima, pihak kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan skim ini sehingga tahun 2025.

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateasterntakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com